

PEMANTAUAN SUNGAI DAN PANTAI OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA PADA HARI CUTI HUJUNG MINGGU

26 September 2021, MELAKA - Unit aduan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan pemantauan di sekitar Sungai Punggur berkaitan siasatan aduan pelepasan efluen dari sebuah kilang dan aktiviti penternakan berhampiran. Ditegaskan disini bahawa aktiviti penternakan walaupun tidak tertakluk dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 berpotensi mencemarkan sungai jika tidak diuruskan secara lestari.

Pemantauan pantai di sekitar Umbai, Melaka juga dijalankan bagi mengesan sekiranya ada tumpahan minyak atau tarball di lokasi berkenaan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka bagi memastikan pencemaran berpunca dari aktiviti perkapalan di laut adalah terkawal dan tidak menjejaskan pantai-pantai di Negeri Melaka.

Aduan orang awam berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar boleh disalurkan di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama